

**PERTANDINGAN LOGO DAN TAGLINE KELAB KEBAJIKAN KAKITANGAN  
UiTM CAWANGAN SELANGOR (KELAB KITA UCS)**

**1.0 Misi Kelab**

Meningkatkan Kesejahteraan dan Keseimbangan Hidup

**2.0 Objektif Penubuhan Kelab**

- Membina ukhwah dan menjalinkan kerjasama melalui pelbagai aktiviti yang bakal dijalankan.
- Memupuk semangat dan meningkatkan silaturrahim di kalangan ahli kelab
- Menjaga kebajikan semua ahli kelab
- Memupuk nilai-nilai murni di kalangan ahli kelab bagi melahirkan generasi yang berhemah tinggi serta mempunyai pekerti yang mulia.

**3.0 Logo**

**3.1 Saiz**

Rekaan logo perlu disediakan dengan menggunakan aplikasi komputer dan disimpan dalam fail asal (softcopy) dalam bentuk jpeg atau illustrator dan dalam bentuk hardcopy.

**3.2 Rekaan**

- 3.2.1 Warna dan bentuk pada setiap logo dicipta mesti disertakan dengan penerangan dan rasional dalam Bahasa Melayu atau Bahasa Inggeris.
- 3.2.2 Rekaan logo dibuat dalam bentuk 2/3 dimensi
- 3.2.3 Peserta bebas untuk mengemukakan ciptaan logo tetapi mestilah berdasarkan tema di atas (rekaan hendaklah memaparkan hasrat penubuhan, misi dan objektif Penubuhan Kelab)

**3.3 Warna**

- 3.3.1 Hanya dibenarkan menggunakan 3 warna sahaja dan salah satu warna mestilah warna korporat UiTM.
- 3.3.2 Setiap warna yang terlibat dalam logo mestilah dibuat huraian (makna disebalik warna tersebut & kaitannya dgn Kelab KITA UCS)

### 3.4 Kegunaan Logo

3.4.1 Logo yang dicipta akan digunakan ke atas pelbagai bahan rasmi dan promosi Kelab.

#### 3.4.2 Keaslian Logo

Rekaan logo mestilah asli dan tidak mengandungi unsur yang dianggap sensitif dari segi kaum dan agama serta tidak diveduk dari mana-mana sumber.

### 4.0 TAGLINE

4.1. *Tagline* mesti pendek, padat dan tepat.

4.2 Peserta boleh menghantar seberapa banyak penyertaan dengan menggunakan satu borang satu *tagline*.

4.3 Hanya satu *tagline* yang akan dipilih.

4.4 Peserta hendaklah memberi keterangan atau penjelasan *tagline* yang dicipta

4.5 Semua ciptaan mestilah asli dan tidak mengandungi unsur yang dianggap sensitif dari segi kaum dan agama.

### 5.0 SYARAT-SYARAT PERTANDINGAN

5.1 Terbuka kepada semua ahli Kelab Kebajikan & Kakitangan UiTM Cawangan Selangor (KITA UCS). Ahli Jawatankuasa Kelab Kebajikan Kakitangan HEP juga adalah layak untuk bertanding

5.2 Borang penyertaan akan diemail pada semua ahli

5.3 Penyertaan hendaklah sampai dan diterima sebelum atau pada **21 Disember, 2018** dan perlu dihantar kepada Setiausaha Kelab iaitu Pn. Noor Azniza Baharuddin (03-32584042) ataupun AJK Penerbitan & Publisiti iaitu Pn. Norafidah Baharuddin (03-32584141) & Pn. Nurul Ain Mohamad (03-32587842)

5.4 Pihak Jawatankuasa tidak bertanggungjawab sekiranya terdapat sebarang tuntutan daripada pihak ketiga ke atas ciptaan logo dan *tagline* tersebut.

5.5 Pihak kelab mempunyai hak menggunakan Logo dan *tagline* yang dipilih

## 6.0 PENGADILAN

- 6.1 Keputusan Lembaga Jemaah Pengadil adalah muktamad
- 6.2 Seorang peserta hanya dibenarkan untuk memenangi satu hadiah sahaja.

## 7.0 HADIAH

- 7.1 Hadiah bagi Pertandingan Mencipta Logo adalah wang tunai sebanyak RM100.00 berserta Sijil Penghargaan. Manakala hadiah bagi Pertandingan Mencipta *Tagline* pula adalah wang tunai sebanyak RM50.00 berserta Sijil Penghargaan.
- 7.2 **Sekiranya pemenang penyertaan bukan dikalangan ahli Kelab KITA** (iaitu mereka yang telah menghantar Borang Keahlian secara rasmi kpd Kelab KITA UCS) maka mereka hanya layak untuk menerima Sijil Penghargaan tanpa hadiah wang tunai yang ditawarkan.